

R 8206 DEB
ABDULLAH - PM

TELUK INTAN, 11 SEPT (BERNAMA) -- NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BAGAWI HARI INI MENAFIKAN DAKWAAN KONOMNYA PERDAMA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SEDANG MENUJU KE ARAH MENJADI SEORANG DIKTATOR.

BEKAS MENTERI PERTAHANAN ITU BERKATA BELIAU MENGENALI PERIBADI PERDAMA MENTERI SEBAGAI SEORANG PIMPIN DAN MENAMBAH +SAYA TIDAK NAMPAK PERDAMA MENTERI BERKEINGINAN UNTUK MENJADI DIKTATOR.+

BELIAU JUGA MENAFIKAN BAHAWA PERDAMA MENTERI MEMBUAT KEPUTUSAN SEWEMANG-MEMANG TANPA MENDAPAT PERSETUJUAN SEBULAT SUARA DARI ANGGOTA KABINET.

MALAHAN BEBERAPA CADANGAN PERDAMA MENTERI DALAM MESYUARAT JEMAAH MENTERI PERNAH DITANGGUH DAN DIBATALKAN KERANA TIADA PERSETUJUAN OLEH ANGGOTA KABINET, KATANYA PADA SUATU MAJLIS DIALOG DI KAMPUNG SUNGAI TUNKU DI SINI.

MENGENAI KESEDIAAN PERDAMA MENTERI BERTEMU DENGAN BEKAS TIMBALAN PERDAMA MENTERI DATUK MUSA HITAM UNTUK MENYATUKAN SEMULA ORANG MELAYU, BELIAU BERKATA KESEDIAAN ITU TIDAK HARUS DIPERTIKAIKAN OLEH MANA-MANA PIHAK.

KATANYA PERDAMA MENTERI SENTIASA MEMBUKA PINTU RUNDINGAN KEPADA SESIAPA SAHAJA DALAM MENYATUKAN SEMULA ORANG MELAYU DAN PENDIRIAN TERSEBUT TIDAK BERUBAH. -- BERNAMA

1746MST 11 07 88
0194